

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN BAHASA MELAYU KERTAS 1**  
**2018**

## **BAHAGIAN A**

### **SOALAN**

*Carta di bawah menunjukkan sebahagian daripada kelebihan melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi (IPT). Huraikan pendapat anda tentang **kelebihan melanjutkan pelajaran ke IPT**. Panjangnya huraian hendaklah antara **200 hingga 250 patah perkataan**.*

### **Kehendak soalan : Bahagian A**

*Diharapkan pelajar dapat menghuraikan kelebihan melanjutkan pelajaran ke IPT. Pelajar hendaklah menggunakan 3 isi yang terdapat dalam bahan rangsangan.*

Rangka karangan dicadangkan:

- 1.0 Pendahuluan.
- 2.0 Isi:
  - 2.1 peluang pekerjaan yang luas
  - 2.2 mendapat kepercayaan masyarakat
  - 2.3 mempunyai pendapatan yang tinggi
- 3.0 Kesimpulan

### **Kemungkinan :**

1. Sekiranya calon hanya menggunakan 2 isi dan menambah 1 isi yang lain daripada bahan rangsangan – periksa seperti biasa
2. Calon membincangkan kepentingan IPT – maksimum peringkat memuaskan.
3. Calon tidak menggunakan langsung bahan ransangan – maksimum memuaskan

### **Kemungkinan :**

1. Sekiranya calon hanya menggunakan 2 isi dan menambah 1 isi yang lain daripada bahan rangsangan – periksa seperti biasa
2. Calon membincangkan kelebihan IPT – maksimum memuaskan
3. Calon tidak menggunakan langsung bahan ransangan – maksimum memuaskan

# BAHAGIAN B

## SOALAN 1

**Bakat dan potensi diri remaja** perlu digilap sejak di bangku sekolah.

Nyatakan **cara-cara yang boleh dilakukan oleh pihak sekolah bagi mencungkil bakat dan potensi remaja**.

Tugasan soalan:

**Kehendak soalan:**

1. Calon perlu menghuraikan cara yang boleh dilakukan oleh pihak sekolah bagi mencungkil bakat dan potensi diri remaja sejak di bangku sekolah.
2. **Cadangan isi:**
  - 1.Menganjurkan pertandingan peringkat sekolah.
  - 2.Program 1Murid 1Sukan.
  - 3.Menyertai pertandingan peringkat daerah/negeri.
  - 4.Mengadakan kem latihan.
  - 5.Mengadakan program motivasi.
  - 6.Sekolah mengadakan usaha sama dengan agensi lain.
3. Sekiranya calon menulis usaha-usaha diri sendiri untuk mencungkil bakat – maksimum peringkat memuaskan .
4. Sekiranya calon menyatakan usaha-usaha pihak lain dan mengaitkan dengan sekolah – boleh diterima.

## SOALAN 2

Amalan nilai-nilai murni dalam kehidupan seperti sikap prihatin, bertanggungjawab, toleransi, amanah dan lain-lain mampu melahirkan masyarakat yang aman dan sejahtera.

Jelaskan pernyataan di atas.

Tugasan soalan:

1. Calon perlu menjelaskan bahawa amalan nilai-nilai murni dalam kehidupan seperti sikap prihatin, bertanggungjawab, toleransi, amanah dan lain-lain mampu melahirkan masyarakat yang aman dan sejahtera.  
Sekiranya calon menyatakan kebaikan nilai-nilai murni dan mengaitkannya dalam melahirkan masyarakat yg aman dan sejahtera – diterima.
2. Cadangan isi: Kebaikan amalan nilai murni:
  1. Peka dengan kesusahan orang lain.
  2. Bersungguh-sungguh dalam melaksanakan tugas.
  3. Bertolak-ansur dalam semua urusan.
  4. Jujur terhadap amanah yang diberikan
  5. Semangat patriotik yang tinggi
3. Sekiranya calon menyatakan secara umum tanpa mengaitkan untuk melahirkan masyarakat aman dan sejahtera- maksimum peringkat baik (menyatakan secara tidak langsung).
4. Sekiranya calon menyebut nilai murni secara umum untuk melahirkan masyarakat sejahtera – maksimum peringkat baik.
5. Calon menghuraikan setiap nilai yang terdapat dalam soalan dan kesannya kepada masyarakat sehingga membawa kepada masyarakat yang aman dan sejahtera. – diterima

**SOALAN 3**

1. Anda ingin menyertai pertandingan syarahan yang dianjurkan oleh Persatuan Bahasa Melayu sempena Bulan Bahasa peringkat sekolah. Tajuk syarahan anda ialah ‘Sektor Pelancongan Menjana Pendapatan Negara’.  
Tuliskan teks syarahan anda selengkapnya.

Tugasan soalan:

1. Format : Penulisan syarahan
  - 1.1. Ada kata aluan/penghadapan
  - 1.2. Tolak 2m sekiranya tiada format (tidak layak cemerlang)
2. Diharapkan calon dapat menulis syarahan tentang ‘Sektor Pelancongan Menjana Pendapatan Negara’.

3. Cadangan isi:
  1. Membuka peluang pekerjaan
  2. Menambah aliran mata wang
  3. Menaik taraf prasarana
  4. Peluang perniagaan
  5. Meningkatkan peluang penawaran perkhidmatan
  6. Dapat memajukan industri perhotelan
  7. Dapat meningkatkan IKS
4. Sekiranya calon menulis tentang usaha-usaha meningkatkan sektor pelancongan- maksimum peringkat memuaskan.
5. Sekiranya calon menyatakan sumbangan sektor lain- maksimum peringkat kurang memuaskan
6. Sekiranya calon menulis tentang sektor pelancongan tetapi **hanya** menyentuh tentang menjana pendapatan negara- maksimum peringkat baik.

#### **SOALAN 4**

Penjagaan alam sekitar dalam sesebuah negara mampu mengelak bencana alam seperti banjir, jerebu, kemarau dan tanah runtuh.

Bincangkan peranan masyarakat negara serantau untuk menjaga alam sekitar

Tugasan soalan:

##### **1. Kehendak soalan:**

1. Diharapkan calon dapat menghuraikan peranan masyarakat serantau untuk menjaga alam sekitar.

##### **2. Cadangan isi:**

1. Tidak menjalankan pembalakan secara berleluasa
  2. Tidak membuat pembakaran terbuka
  3. Tidak membuang sisa toksik ke dalam saliran/sungai/parit/laut.
  4. Mengelakkan pembangunan yang tidak terancang.
  5. Menyertai kempen Cintai Alam Sekitar.
3. Calon mesti menyatakan sekurang-kurangnya satu negara serantau dan mesti mengaitkannya dengan penjagaan alam sekitar sehingga mampu mengelakkan bencana alam seperti banjir, jerebu, kemarau dan tanah runtuh.

4. Sekiranya calon hanya menyatakan negara secara umum (hanya menyatakan negara serantau)-maksimum peringkat kepujian.
5. Sekiranya calon hanya menerangkan usaha-usaha menjaga alam sekitar tanpa mengaitkan dengan bencana alam -maksimum peringkat baik.
6. Sekiranya calon hanya menghuraikan peranan masyarakat dalam Negara sahaja – maksimum peringkat memuaskan
7. **Setiap isi perlu dikaitkan dengan peranan masyarakat serantau.**

### **SOALAN 5**

Jikalau ilmu tiada sempurna

tiada berapa ia berguna

Petikan gurindam di atas membawa maksud sekiranya ilmu yang dituntut tidak mencukupi, ilmu tersebut tidak mendatangkan manfaat kepadanya.

Selain tidak mendatangkan manfaat, jelaskan masalah-masalah yang bakal dihadapi oleh seseorang sekiranya kekurangan ilmu pengetahuan.

#### Tugasan soalan


1.Calon perlu menyatakan masalah-masalah yang bakal dihadapi oleh seseorang yang kekurangan ilmu pengetahuan.

2.Cadangan isi:

1. Akan menghadapi masalah kemiskinan.
2. Mudah ditipu oleh orang lain.
3. Sukar mendapat kepercayaan orang lain.
4. Sukar mendapat pekerjaan.
5. Dipandang hina oleh orang lain.

3.Sekiranya calon menyatakan masalah-masalah semasa menuntut ilmu – maksimum peringkat kurang memuaskan.

4. Sekiranya calon menyatakan kelebihan-kelebihan menuntut ilmu- maksimum peringkat kurang memuaskan.



SMK ...

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM  
TINGKATAN 5  
2018**

**BAHASA MELAYU**  
Kertas 2  
Ogos 2018  
2 ½ jam

1103/2

Dua jam tiga puluh minit

---

**BAHASA MELAYU**  
Koleksi [www.bmspm.net](http://www.bmspm.net)  
Kertas 2

**PERATURAN PEMARKAHAN**

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Johor**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa juga bentuk penulisan dan percetakan.

---

Peraturan pemarkahan ini mengandungi ..... halaman bercetak

## Markah penuh 110 markah

### Soalan 1

Markah penuh **30** dibahagi kepada:

- (a) Isi - **20** markah
- (b) Bahasa - **10** markah

**(a) Isi** [20 markah]

**Nota :**

- (i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata depan *di* dan *ke*
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120** perkataan sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											<b>2</b>
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	<b>16</b>	
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup/ Kesimpulan											<b>2</b>
	<b>Jumlah Markah</b>										<b>20</b>

### Soalan 1 : Rumusan

#### Pendahuluan ( usaha)

- P1 Petikan membincangkan **cara/ langkah / tindakan / kaedah / strategi** membudayakan amalan bersukan dalam kalangan masyarakat di Malaysia / di negara kita [2m]
- P2 Rumusan membincangkan **cara / langkah/ tindakan / kaedah / strategi** membudayakan amalan bersukan dalam kalangan masyarakat dan kekangan yang dihadapi. [2m]
- P3 Petikan membincangkan **cara / langkah/ tindakan / kaedah / strategi** membudayakan amalan bersukan dalam kalangan masyarakat dan tujuan mewujudkan Hari Sukan Negara. [ 2m]
- P4 Rumusan membincangkan **cara / langkah/ tindakan / kaedah / strategi** membudayakan amalan bersukan dalam kalangan masyarakat. [1m]
- P5 Petikan membincangkan **usaha-usaha** membudayakan amalan bersukan dalam kalangan masyarakat [0m]

#### Isi Tersurat (usaha membudayakan amalan bersukan)

1. Hari Sukan Negara diperkenalkan. [2m]
2. Kesedaran terhadap kepentingan bersukan ini perlu digerakkan **secara agresif**. [2m]
3. Sesiapa sahaja boleh memilih bidang sukan **mengikut kemampuan** masing-masing. [2m]
4. Kemudahan atau kelengkapan sukan yang berkonsepkan **mudah, murah dan menarik**. [2m]
5. *Pihak berkuasa tempatan (PBT)* perlu memastikan kemudahan untuk tujuan bersukan itu sentiasa mencukupi. [2m]
6. **Peralatan dan kemudahan bersukan** sedia ada perlu diganti dengan peralatan **terkini dan diselenggara dengan baik**. [2m]
7. **Syarikat - syarikat swasta** menjadikannya sebagai satu daripada program **tanggungjawab sosial** korporat masing-masing. [2m]
8. **Kementerian Belia dan Sukan** tidak dibiarkan bersendirian dalam menjayakan satu program sukan negara. [2m]

- frasa yang disendengkan dan dihitamkan wajib ada untuk terima isi tersurat



### Isi Tersirat (kekangan yang dihadapi)

1. Sibuk dengan urusan / rutin seharian [2m]
  2. Jangka masa kerja / bertugas harian yang panjang / tiada masa lapang [2m]
  3. Sikap sambalewa / sambil lewa terhadap penjagaan kesihatan / malas [2m]
  4. Bimbang keselamatan diri terancam [2m]
  5. Pandangan /tanggapan/anggapan prejudis/ sinis/masyarakat /kawan [2m]
  6. Sukar mendapat bimbingan / khidmat jurulatih kecergasan [2m]
  7. Kempen gagal menarik minat / perhatian / penyertaan kumpulan sasar [2m]
- Jika calon tulis kekangan masa – tidak terima – umum
  - Kekurangan kos/peralatan – telah dibincangkan dalam petikan

### Kesimpulan

Kesimpulannya, semua pihak perlu bekerjasama menggalakkan amalan bersukan dalam kalangan masyarakat agar / supaya hidup sentiasa sihat / kesihatan diri terjamin [2m]

### (b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual yang berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
<b>Baik</b>	<b>18 – 20</b>	<b>9 – 10</b>	- Kesenambungan isi baik - Struktur ayat / tatabahasa baik - Kosa kata luas
	<b>15 – 17</b>	<b>7 – 9</b>	- Tanda bacaan / ejaan betul
<b>Sederhana</b>	<b>12 – 14</b>	<b>6 – 7</b>	- Kesenambungan isi masih baik - Struktur ayat / tatabahasa masih memuaskan
	<b>8 – 11</b>	<b>4 – 6</b>	- Kosa kata masih memuaskan -Tanda bacaan / ejaan juga Memuaskan
<b>Lemah</b>	<b>1 – 7</b>	<b>1 – 4</b>	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan

### Nota :

- Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 perkataan, berikan 0 markah.
- Jika rumusan kurang daripada **120 perkataan**, **markah tidak dipotong**.

**Soalan 2**

Markah penuh **35** dibahagikan kepada:

- Soalan 2(a) : **9** markah  
 Soalan 2(b) : **9** markah  
 Soalan 2(c) : **8** markah  
 Soalan 2(d) : **9** markah

**Perhatian bagi Soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)**

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap / sempurna**
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul**, berikan **separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

**Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman**

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat / salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup / kurang lengkap tetapi ayat gramatis	
- Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap / relevan, ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup / kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

**SOALAN 2 (a) – Petikan Umum [9 markah]**(i) Maksud '*peringkat akar umbi*'

- |    |  |      |
|----|--|------|
| P1 | bahagian/kelompok/kumpulan/tahap bawahan/dasar yang kukuh / teguh/kuat | [2m] |
| P2 | peringkat bawahan / dasar yang kukuh/teguh/kuat                        | [1m] |
| P3 | bahagian/kelompok/kumpulan/tahap akar umbi                             | [1m] |

Maksimum: 2 markah

(ii) Tujuan utama Hari Sukan Negara :

- |    |   |
|----|---|
| P1 | menerapkan budaya sukan   |
| P2 | memupuk semangat perpaduan dalam kalangan rakyat                            |
| P3 | membangunkan ekonomi negara melalui industri sukan                          |
| P4 | meningkatkan pengetahuan sukan untuk rakyat                                 |
| P5 | mengiktiraf rakyat Malaysia yang terlibat dalam aktiviti membangunkan sukan |

[ Isi cukup : 3 ]

Maksimum: 3 markah

(iii) Langkah memastikan semua murid **terlibat secara aktif** dalam aktiviti sukan :

(Saya sebagai ketua guru rumah sukan)

- |    |   |
|----|---|
| P1 | menganjurkan pertandingan sukan mengikut kelas/rumah  |
| P2 | menggantikan hadiah berbentuk medal / piala dengan alatan sukan dalam pertandingan di sekolah |
| P3 | mencadangkan kepada pihak sekolah / PIBG insentif / biasiswa sukan                            |
| P4 | mengadakan kursus kemahiran bersukan secara berterusan  |
| P5 | melantik pemudahcara/mentor/fasilitator aktiviti / latihan sukan dalam kalangan murid         |
| P6 | menyasarkan acara sukan yang melibatkan kumpulan yang ramai                                   |
| P7 | menubuhkan jawatankuasa kerja aktiviti sukan dalam kalangan murid                             |
| P8 | memberikan anugerah kecemerlangan sukan/ sijil penghargaan peringkat sekolah                  |

[ Isi cukup :3 ]

Maksimum: 4 markah

## Soalan 2(b) Pemahaman Cerpen

(i) Maksud di sebalik nama Aiman Aqil :

- P1 insan yang beriman
- P2 insan yang berakal
- P3 insan yang berfikiran rasional
- P4 insan yang berfikiran matang

[ Isi cukup : 2 ]  
Maksimum: 2 markah

(ii) Usaha **ibu bapa** meningkatkan minat **remaja**:

- P1 membawa anak-anak pergi ke pameran/filem/pertunjukan berunsurkan sains dan teknologi
- P2 membelikan bahan bacaan/peralatan berunsurkan sains dan teknologi
- P3 menjadi suri teladan dengan menunjukkan minat yang mendalam bidang sains dan teknologi /membaca bahan bacaan sains
- P4 memberi sokongan dan galakan kepada anak-anak melibatkan diri dalam aktiviti sains dan teknologi di sekolah / daerah / negeri/negara
- P5 menghadihkan buku/bahan berunsur sains dan teknologi semasa hari lahir / ganjaran atas kecemerlangan dalam pelajaran

Koleksi [www.bmspm.net](http://www.bmspm.net) [ Isi cukup : 2 ]  
Maksimum: 3 markah

(iii) Nilai kemanusiaan yang terdapat dalam **petikan** :

- P1 Kebijakan  
Huraian : Aiman Aqil dapat menjawab pertanyaan daripada Cikgu Faridah.

Nilai kemanusiaan yang terdapat dalam **keseluruhan cerpen**

- P2 Kasih sayang  
Huraian : Ibu Aiman amat menyayangi anak-anaknya iaitu Aiman Aqil, Fadhilah Fatnin dan Azila Atiqah.
- P3 Belas kasihan/simpati  
Huraian : Ibu Aiman berasa kasihan setiap kali melihat Aiman Aqil dirotan oleh suaminya.
- P4 Bertanggungjawab  
Huraian : Bapa Aiman Aqil berusaha merawat masalah kegagalan anaknya dengan membawanya menjalani latihan terapi.
- P5 Kesabaran  
Huraian : Ibu Aiman Aqil bersabar dengan sikap garang suaminya dalam mendidik anak-anak terutamanya Aiman Aqil.

- P6 Rasional  
Huraian : Guru kelas Aiman berfikiran rasional dengan memberikan amaran keras kepada Aiman supaya dia kembali ke tempat duduknya dan tidak mengganggu murid-murid lain yang sedang menyiapkan latihan.
- P7 Keinsafan  
Huraian: Aiman sedar akan kesilapannya yang terlalu jauh berimajinasi lalu memanjatkan doa ke hadrat Ilahi.
- [Isi cukup : 2]  
Maksimum: 4 markah

### Soalan 2(c) Prosa Tradisional

- (i) Maksud *terlalu gemuruh bahannya* :
- bunyi yang terlalu / amat bising yang tidak keruan/ riu-rendah [2m]
  - bunyi yang terlalu bising / riu-rendah [1m]
- Maksimum: 2 markah
- (ii) Reaksi Laksamana:
- P1 bangun melompat
- P2 menikam dada Kertala Sari terus ke belakangnya
- [Isi cukup : 2]  
Maksimum: 3 markah
- (iii) Strategi **lain** yang akan anda lakukan untuk menewaskan Kertala Sari.
- P1 meminta bantuan daripada pihak lain yang memiliki ilmu setanding atau lebih hebat daripada Kertala Sari / meminta bantuan tentera terlatih
- P2 menggunakan ilmu sihir/hitam/jampi serapah/mantera
- P3 meletakkan racun dalam makanannya
- P4 memerangkapnya dengan menggunakan jaring / alat yang sesuai / memasang perangkap
- P5 mengumpun atau menawarkan harta benda/emas/perempuan kepada Kertala Sari
- P6 menangkap ibunya agar Kertala Sari menyerah diri/sebagai tukar ganti
- [Isi cukup : 2]  
Maksimum: 3 markah

**Soalan 2(d) Sajak**

(i) Peristiwa yang dilalui penyajak (R2)

- P1 dilupakan oleh anak-anak kandungnya
- P2 tidak diterima di rumah anak / semua anak tidak mahu menjaganya
- P3 hidup menderita
- P4 berada dalam kesakitan / berpenyakit

[Isi cukup : 2]

Maksimum: 2 markah

(ii) Punca anak mengabaikan ibu bapa **yang sudah tua** :

- P1 terlalu sibuk dengan kerjaya / mengejar kebendaan / tiada masa
- P2 kurang dididik dengan nilai kasih sayang sejak awal
- P3 kesempitan / kemiskinan hidup di kota / masalah kewangan
- P4 desakan / pengaruh kuat pasangan hidup
- P5 tipis iman / pegangan agama / tiada didikan agama yang cukup
- P6 menganggap ibu bapa sebagai suatu beban / menyusahkan
- P7 sikap ego / sombong setelah hidup senang / lupa asal usul

[Isi cukup : 2]

Maksimum: 3 markah

**Koleksi [www.bmspm.net](http://www.bmspm.net)**(iii) **Dua** pengajaran yang terdapat dalam sajak

- P1 Kita mestilah bertanggungjawab menjaga kebajikan ibu **kerana syurga di bawah telapak kaki ibu**
- P2 Kita wajib berbakti kepada ibu/ ibu bapa yang telah memelihara/menjaga **agar hidup diberkati Tuhan / tidak menyesal apabila ibu/ibu bapa telah tiada.**
- P3 Seorang anak mestilah menyayangi ibu /ibu bapa **kerana ibu/ ibu bapa telah membesarkan kita sejak kecil.**
- P4 Kita haruslah insaf bahawa hidup ini sementara **kerana kita pasti akan mati / hanya Tuhan sahaja yang kekal.**
- P5 Kita perlulah menghormati / menjaga perasaan / bersikap lemah lembut terhadap ibu bapa **sebagai tanda kita anak yang baik atau anak yang tahu mengenang jasa**
- P6 Setiap anak mestilah menghargai jasa ibu/ibu bapa **dengan memeliharanya ketika sakit / tua.**

(1+1)

[Isi cukup : 2]

Maksimum: 4 markah

### Peraturan Pemarkahan Soalan 3

Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:

- Soalan 3(a) : 6 markah
- Soalan 3(b) : 6 markah
- Soalan 3(c) : 6 markah
- Soalan 3(d) : 6 markah
- Soalan 3(e) : 6 markah

#### Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan markah penuh 1 markah.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak  $\frac{1}{2}$  markah daripada ayat tersebut.
10. Sengaja menambah, menggugur atau mengubah imbuhan, berikan 0 markah.

#### (a) Bina ayat

- |       |              |   |   |
|-------|--------------|---|---|
| (i)   | keluar       | - | rujuk Kamus Dewan m/s 723   |
| (ii)  | terkeluar    | - | tersingkir, terasing<br>terlafaz, terhambur, disebut / diucapkan<br>(tanpa disedari / tidak difikir-fikirkan terlebih dahulu)   |
| (iii) | mengeluarkan | - | menyebabkan keluar sesuatu<br>memecat (ahli, pegawai dll)<br>mengumumkan (biasanya melalui siaran<br>radio, akhbar, surat pekeliling dll)<br>melahirkn / menyatakan (perasaan,<br>pendapat, dll)<br>membelanjakan, mengadakan,<br>menyediakan (wang)<br>menerbitkan (buku, majalah, dll)<br>menghasilkan (galian, barang-barang<br>mentah, dll)<br>mengeksport, menghantar (barang<br>dagangan) |

- (iv) gantung - rujuk Kamus Dewan m/s 433
- (v) tergantung - telah digantung, tersangkut, terpaut, diserahkan, terserah
- (vi) menggantungkan - menyangkutkan pada paku dll mengikatkan pada sesuatu dsb supaya terletak pada tempat yang tinggi menjadikan bergantung menyandarkan (nasib, pekerjaan dll) meletakkan (harapan dsb)

[6 markah]

**(b) Gabung Ayat**

- (i) Penubuhan institut pertanian berjaya mendidik pekerja mahir **dan** separa mahir dalam sektor pertanian.
- (ii) Graduan pertanian ini perlu bekerja sendiri **bagi/untuk** menjadikan bidang pertanian sebagai sumber pendapatan.
- (iii) Mereka mesti berfikiran terbuka **agar/supaya** mereka dapat memajukan bidang pertanian negara.

[6 markah]

Koleksi [www.bmspm.net](http://www.bmspm.net)

**(c) Kesalahan ejaan dan Kesalahan penggunaan imbuhan.**Ejaan

- (i) kontek - konteks
- (ii) bahwa - bahawa
- (iii) di iktiraf - diiktiraf

Imbuhan

- pengaruhi - mempengaruhi
- perkerjaan - pekerjaan
- Pendidik - pendidikan

[6 markah]

**(d) Kesalahan penggunaan kata atau istilah dan kesalahan tatabahasa.**Istilah

- (i) baik - penting
- (ii) diadakan - dilaksanakan
- (iii) bila - apabila

Tatabahasa

- industrialis-industrialis - industrialis
- dari - daripada
- goreng keladi - keladi goreng

[6 markah]



**(e) Peribahasa**

- (i) Tulisan yang sangat buruk / sukar dibaca
- (ii) Sekali melakukan sesuatu pekerjaan, dua/ tiga/lebih maksud tercapai
- (iii) Mendapat / diberi sesuatu tetapi tidak tahu / dapat menggunakannya / menghargainya

[6 markah]

**Soalan 4**

Markah penuh 15 markah

**Panduan pemarkahan bagi Soalan 4**

- 4(a)
- (i) Jawapan berdasarkan **satu** daripada novel yang dipelajari.
  - (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap dan gramatis.
  - (iii) Berikan **1 markah untuk perwatakan yang tepat bagi watak sampingan yang diberi.**
  - (iv) Berikan **1 markah bagi setiap huraian yang betul dan lengkap.**
  - (v) Markah isi maksimum 4 markah (2 perwatakan bagi satu watak sampingan yang ditetapkan)
  - (vi) Markah bahasa maksimum 3 markah.
  - (vii) Markah bahasa diberikan secara 'impression'
 

Baik	= 3 markah
Sederhana	= 2 markah
Lemah	= 1 markah
  - (viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
  - (ix) Calon tidak menjawab 0 markah.

**[Maksimum:7 markah]**

- 4(b)
- (i) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.
  - (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap dan gramatis.
  - (iii) Berikan **1 markah bagi perasaan yang sesuai.**
  - (iv) Berikan **1 markah bagi alasan dan 1 markah bagi peristiwa pada bahagian peleraian.**
  - (v) Markah isi maksimum 6 markah (maksimum 3 markah bagi setiap novel)
  - (vi) Markah bahasa maksimum 2 markah.
  - (vii) Markah bahasa diberikan secara 'impression'
 

Baik	= 2 markah
Lemah	= 1 markah
  - (viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
  - (ix) Calon tidak menjawab 0 markah.

**[Maksimum: 8 markah]**

#### 4 (a) Perwatakan watak sampingan.

##### Novel Di Sebalik Dinara (Watak sampingan : Azraai)

###### 1. Seorang yang penyayang.

Azraai tetap mementingkan keselamatan Farisha dengan meningkatkan sistem keselamatan di rumah Farisha walaupun Farisha hanyalah adik angkatnya.

###### 2. Seorang yang amanah.

Azraai berpegang pada janji dan surat amanah arwah ayahnya iaitu semua mikrocip mesti kekal dalam badan Farisha dan mesti berkhidmat di Soft Lab apabila diperlukan. Selain itu, dia memberitahu Farisha tentang status Farisha sebagai anak angkat arwah ayahnya.

###### 3. Seorang yang bertanggungjawab.

Azraai segera melarikan dan menyembunyikan Farisha sebaik-baik sahaja dia mengetahui bahawa ibu Farisha telah dapat berkomunikasi dengan Farisha.

##### Novel Silir Daksina (Watak sampingan : Tauke Ong)

###### 1. Seorang yang pemurah.

Tauke Ong sering menaja jamuan makan yang diadakan di Kampung Seri Purnama. Dia juga bermurah hati meminjamkan motosikalnya kepada Haiqal untuk kegunaannya sepanjang berada di Kampung Seri Purnama.

###### 2. Seorang yang berjimat cermat.

Sewaktu Cikgu Zam mengusiknya supaya membeli kereta baru, Tauke Ong memberitahu bahawa dia tidak mahu membazir kerana memikirkan anak-anaknya yang masih bersekolah. Dia juga hanya memakai kemeja lengan pendek dan seluar labuh paras lutut sebagai pakaian hariannya. Dia akan memakai pakaian yang kemas dan cantik pada Tahun Baru Cina sahaja.

###### 3. Seorang yang gigih/rajin

Tauke Ong membuat dua kerja dalam satu hari. Pada waktu pagi Tauke Ong menoreh getah di kebun Abdullah bin Kayan. Sementara pada waktu petang pula Tauke Ong meraih hasil kampung dan dijual di pekan.

#### 4. Seorang yang amanah.

Tauke Ong telah menyerahkan segala harta yang diamanahkan oleh Abdullah bin Kayan kepada Haiqal Hakimi seperti buku bank dan segala urusan tanah pertanian.

[ terima mana-mana perwatakan yang sesuai]

#### 4 (b) Perasaan dan bahagian peleraian novel

*Novel Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor*

##### 1. Perasaan kagum.

Alasan : Saya berasa kagum dengan tindakan Farisha yang sanggup melawat Karl yang sedang tenat.

Peleraian : Farisha, Dr Maxi, Azraai, Medina, dan Aqram bergegas ke rumah Karl dan diberi peluang berjumpa Karl buat kali terakhir.

##### 2. Perasaan simpati / kasihan

Alasan : Saya berasa simpati kerana Shida menjadi mangsa ketaasuban manusia terhadap Sains dan Teknologi.

Peleraian : Selepas upacara pengebumian Karl, Farisha dan Aqram mendapati Karl masih berada dalam tubuh Shida.

Alasan : Saya berasa simpati kerana Farisha tidak dapat meneruskan hidup bersama ayah kandung yang baru dikenalnya.

Peleraian : Karl telah menghembuskan nafas terakhir di rumahnya di Puchong

##### 3. Perasaan gembira

Alasan : Saya berasa gembira kerana wasiat Karl dapat ditunaikan

Peleraian : Karl meninggal dunia pada pukul 7.00 malam. Mayatnya dibakar dan abu mayatnya ditabur di Selat Melaka. Upacara ini diadakan di Port Dickson.

##### 4. Perasaan sedih

Alasan : Saya berasa sedih kerana Farisha tidak berpeluang untuk hidup bersama dengan ayah kandungnya

Peleraian : Karl telah meninggal dunia pada pukul 7.00 malam di rumah agamanya di Puchong.

### 5. Perasaan terkejut

Alasan : Saya berasa terkejut kerana Karl seolah-olah masih hidup walaupun mayatnya telah dibakar dan abunya telah ditaburkan di Selat Melaka.

Peleraian : Shida berkelakuan aneh menyebabkan Aqram berpendapat bahawa Karl masih berada dalam diri Shida.

*Novel Silir Daksina karya Nizar Parman*

### 1. Perasaan bangga

Alasan : Saya berasa bangga kerana warisan budaya iaitu tarian zapin dapat dihidupkan kembali di Kampung Seri Purnama

Peleraian : Semasa sedang menari, Haiqal melihat Umi Rafiqah, walid dan Nurul Asiyah hadir menyaksikan persembahan tarian zapin.

### 2. Perasaan gembira

Alasan : Saya berasa gembira kerana Haiqal Hakimi bertindak bijak / wajar demi masa depannya.

Peleraian : Haiqal Hakimi melanjutkan pelajarannya ke salah sebuah universiti di Bumi Kenyalang.

### 3. Perasaan lega

Alasan : Saya berasa lega kerana akhirnya umi dapat menerima minat Haiqal Hakimi terhadap kesenian dan kebudayaan.

Peleraian : Kehadiran umi, Rafiqah, walid dan adik tirinya, Nurul Asiyah semasa dia membuat persembahan zapin benar-benar mengembirakan Haiqal.

### 4. Perasaan bersyukur

Alasan : Saya berasa bersyukur kerana Ratna memilih seorang usahawan bukannya seorang seniman sebagai pasangan hidupnya

Peleraian : Ratna mengikat tali pertunangannya dengan seorang usahawan muda yang sanggup menjadi rakan kongsi dan rakan hidupnya.

### 5. Perasaan kagum

Alasan : Saya berasa kagum kerana Haiqal dapat membuat persembahan zapin di Purnama dengan baik di hadapan Penonton.

Peleraian : Haiqal dapat membuat persembahan dengan baik walaupun perasaannya sedikit gemuruh apatah lagi melihat Umi hadir menyaksikan persembahannya.